

Soalan No :72

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]

TARIKH : 8.4.2015

SOALAN :

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah (bilangan) Sekolah-Sekolah Agama Rakyat (SAR) di seluruh negeri Pulau Pinang mengikut susunan Parlimen dan perincian bentuk-bentuk bantuan yang disalurkan kepada sekolah-sekolah tersebut di sepanjang lima tahun lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Sekolah-Sekolah Agama Rakyat (SAR) di seluruh negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 32 buah. Setakat ini, bantuan yang telah disalurkan oleh KPM kepada SAR di seluruh negeri Pulau Pinang tahun 2011 adalah sebanyak RM 4,848,575.82 dan pada tahun 2014 sebanyak RM 1,712,800.00. Bantuan tersebut adalah untuk pembaikan kecil bangunan dan pembelian perabot.

RJM113

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENGGALAN CHEPA]**

TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)

SOALAN : 65

DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN [PENGGALAN CHEPA] minta
PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) kedudukan terkini saham Felda Global Ventures; dan
- (b) adakah benar saham Felda Global Ventures mengalami kejatuhan yang teruk.

166

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jika dilihat dari prestasi kewangan FGV untuk tahun 2014 seperti yang dilaporkan di Bursa Malaysia pada 24 Februari 2015, FGV sebenarnya mencatatkan keuntungan kasar sebanyak RM2.14 bilion dan keuntungan operasi sebanyak RM1.03 bilion, berbanding masing-masing RM878 juta dan RM610 juta pada 2013. Jumlah tersebut menunjukkan pencapaian yang lebih baik. Namun begitu, keuntungan bersih syarikat bagi tahun 2014 telah menurun kepada RM522 juta berbanding RM1.12 bilion pada 2013. Ia disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya adalah disebabkan oleh '*Fair Value Charge*' yang perlu dipatuhi dalam *Land lease Agreement* (LLA) yang telah memberi kesan kepada prestasi akaun. Faktor lain adalah proses penanaman semula, factor cuaca, kemarau dan banjir serta ketidaktentuan harga Minyak Sawit Mentah (MSM).

Tuan Yang di-Pertua,

Faktor kejatuhan saham FGV ditentukan oleh pasaran dan keyakinan pelabur. FGV merupakan sebuah kumpulan perladangan yang mana 75% dari pendapatannya adalah berdasarkan kepada komoditi sekali gus berkait rapat dengan pergerakan harga komoditi dunia. Harga Minyak Sawit Mentah (MSM) mula mencatatkan nilai lebih rendah berbanding tahun lalu, bermula pada pertengahan tahun dan harga purata tidak banyak perubahan sehingga ke Januari 2015.

Purata harga MSM 2014 adalah RM2,410 per tan metrik. Pergerakan harga ini di luar kawalan FGV dan apa yang boleh dilakukan adalah dengan meningkatkan semula keyakinan pelabur dan mengukuhkan syarikat melalui perniagaan hiliran untuk mengimbangi pendapatan agar tidak bergantung kepada perniagaan hulu sahaja. Perancangan yang dibuat dijangka mampu mengembalikan semula keyakinan pelabur sekali gus memberi kesan positif kepada saham FGV untuk jangka masa panjang.

Bagi mengukuhkan lagi operasi pada tahun ini, FGV telah menekankan tiga aspek utama iaitu Keberkesanan Kos Operasi, Model Perniagaan Baharu dan Penstrukturan Semula Anak Syarikat Kumpulan. Walaupun pergerakan harga MSM dunia dan kemarau berpanjangan akan memberi impak negatif, FGV yakin untuk mencapai prestasi yang lebih baik pada tahun ini berdasarkan perancangan yang telah dibuat.

Sekian. Terima kasih.